

Jangan pandang ringan ancaman pengganas

Kerajaan mesti konsisten halang pengaruh militan terutama di internet

Insiden tebusan di Sydney, Australia, nyata mengejutkan masyarakat antarabangsa. Insiden dalam sebuah kafe yang terletak di Martin Place, Sydney itu bermula selepas seorang lelaki masuk ke premis terbabit pada jam 9.45 pagi waktu tempatan, sebelum mengeluarkan selaras senapang patah dan mengarahkan beberapa pekerja kafe terbabit serta pelanggan berdiri dekat cermin kafe itu.

Dalam insiden terbabit, beberapa tebusan juga diarahkan memegang sehelai bendera berwarna hitam tertera kalimah syahadah yang dipaparkan kepada umum.

Bendera itu biasanya digunakan oleh militan seperti Kumpulan Negara Islam (IS) dan al-Qaeda. Dalam insiden terbabit, puluhan anggota polis termasuk anggota separa tentera, pasukan SWAT dan penembak tepat mengepung kawasan sekitar premis berkenaan. Insiden tebusan selama lebih 16 jam berakhir selepas pihak berkuasa tempatan menyerbu masuk premis itu, menyebabkan beberapa orang terbunuh, termasuk lelaki bersenjata yang menahan 17 tebusan.

Insiden ini mendapat perhatian meluas media massa seluruh dunia, serta menyebabkan banyak negara meningkatkan tahap berjaga-jaga untuk mengelakkan insiden sama berlaku. Walaupun motif suspek masih dalam siasatan, insiden terbabit tidak dapat dipisahkan daripada isu keganasan yang banyak berlaku di seluruh dunia.

Ancaman pengganas

Umum sudah mengetahui, dunia sekarang sedang menghadapi ancaman pengganas, terutama militan yang berselembunyi di sebalik agama untuk menjayakan cita-cita peribadi mereka.

Apa yang berlaku di Sydney perlu dijadikan iktibar kepada semua bahawa keganasan berlaku tanpa mengenali sempadan politik. Isu keganasan tanpa sempadan ini juga sukar untuk ditangani kerana penyalahgunaan internet di serata dunia, termasuk Malaysia.

Apa menjadikan keganasan ini sebagai isu utama yang harus dipandang serius ialah tindakan pengganas menggunakan alam maya untuk menghasut serta memujuk orang ramai, terutamanya golongan muda yang masih bersekolah atau di institusi pengajian tinggi (IPT) untuk berjuang bersama mereka.

Pelajar yang berada di IPT dan sekolah menjadi sasaran kerana mereka yang berada dalam umur lingkungan 15 hingga 25 tahun dilihat sebagai golongan paling mudah untuk dipengaruhi.

Ini dilakukan menerusi penggunaan media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan WhatsApp yang menjadi

kelaziman dalam kehidupan seharian golongan muda masa kini. Bukan sahaja landasan media sosial baharu terbabit menjadi saluran komunikasi utama kumpulan anak muda dalam negara kita, malah ia juga sentiasa dianggap sebagai sumber maklumat utama dan sahih golongan terbabit.

Pemantauan lebih tegas

Sebelum ia menjadi parah seperti yang berlaku di Sydney, aspek pemantauan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pengaruh militan perlu dilaksanakan dengan tegas dan konsisten.

Semua pihak yang berkaitan di negara kita seperti Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) hendaklah bekerjasama untuk membendung pengaruh militan yang berada dalam mahupun di luar negara kita.

Langkah yang akan diambil untuk membendung pengaruh militan seperti pindaan yang baharu dilaksanakan terhadap Kanun Keseksaan pada tahun 2012 yang mewujudkan kesalahan baharu untuk menangani ancaman pengganas, sabotaj, pengintipan dan aktiviti yang mungkin dapat menjejaskan demokrasi berparlimen negara kita, serta pengenalan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), termasuk terbaharu usul memperkenalkan 'Akta Antikeganasan' harus dipandang positif kerana langkah terbabit perlu juga menjamin keselamatan dan keamanan negara.

Peranan ibu bapa juga penting bagi membendung masalah terbabit daripada mempengaruhi anak, dengan sentiasa memastikan mereka menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat dengan betul serta bebas pengaruh yang boleh merosakkan diri.

Memandangkan kebanyakan pengaruh militan serta kumpulan pengganas ini banyak berpusat serta berada di luar negara, kerajaan hendak menjalin kerjasama erat dengan semua negara dunia bagi membendungnya.

Kerusi Majlis Keselamatan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang baru dimenangi oleh Malaysia baru-baru ini, serta peranan sebagai Pengerusi ASEAN yang bakal dipikul pada tahun 2015 perlu dimanfaatkan untuk mengatasi masalah militan, terutamanya isu militan siber serta yang berkaitan dengannya.



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW

rencana@bh.com.my

Penulis

ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia